

[Home](#) / [2026](#) / [March](#) /

UiTM Cawangan Pahang Dekati Komuniti Jengka Menerusi Inisiatif Kesedaran Anti-Buli

## SINERGI

09/03/2026 / WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN



**JENGA, 27 FEBRUARI 2026** – Unit Psikologi dan Kaunseling, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Jengka, telah berjaya melaksanakan **Program Psikoedukasi Anti-Buli** bertempat di Sekolah Rendah Islam (SERI) Tahfiz Al Banna. Program yang berlangsung pada 5 Februari lalu ini telah memberikan manfaat secara langsung kepada 58 orang murid sekolah berkenaan.

Keunikan program ini terserlah melalui penglibatan tiga kaunselor pelatih dari **Universitas Muhammadiyah Purworejo (UMP), Indonesia**, iaitu Nadila Mony Munifaf, Sri Rejeki, dan Nur Usalamah Dany Putry. Mereka yang kini sedang menjalani latihan praktikal di UiTM Cawangan Pahang telah mengendalikan slot interaktif di bawah seliaan rapi Timbalan Pegawai Psikologi Kampus

Jengka.

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai kesedaran awal mengenai bahaya buli yang merangkumi pemahaman terhadap jenis-jenis buli, kesan psikologi yang mendalam terhadap mangsa, serta langkah-langkah pencegahan yang efektif. Melalui pendekatan yang mesra kanak-kanak, para peserta turut didedahkan dengan saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan sekiranya berhadapan dengan situasi tersebut bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka di sekolah.



Penganjuran program ini juga dilihat selaras dengan aspirasi global melalui Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam menjamin kesihatan dan kesejahteraan yang baik (SDG 3), menyediakan pendidikan berkualiti menerusi persekitaran pembelajaran yang selamat (SDG 4), serta memupuk keamanan dan keadilan (SDG 16) dengan membina budaya saling menghormati. Selain memberi impak positif kepada komuniti setempat di Jengka, inisiatif ini turut memperkukuh jaringan kolaborasi antarabangsa antara UiTM dan institusi pengajian tinggi di Indonesia.

Usaha ini membuktikan komitmen UiTM dalam melahirkan graduan dan pelatih yang bukan sahaja kompeten secara akademik, malah mempunyai empati yang tinggi terhadap isu sosial. Melalui pendedahan ini, diharapkan generasi muda di SERI Tahfiz Al Banna dapat membesar sebagai individu yang bertanggungjawab dan berupaya membentuk persekitaran sekolah yang lebih harmoni serta bebas daripada gejala buli secara menyeluruh.



Tags: Sekolah Rendah Islam (SERI) Tahfiz Al Banna, UiTM Cawangan Pahang, Unit Psikologi dan Kaunseling, Universitas Muhammadiyah Purworejo, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

UiTM Pahang Perkukuh Kerjasama  
Malaysia–Indonesia Melalui Webinar  
Antarabangsa Kesejahteraan Diri  
2026

Sentuhan Kreatif Pelajar Grafik UiTM  
Perak Ceriakan Persekitaran Taska  
OOO La La Nur Intan

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

